

## Latihan Penilaian Pendidikan Moral Tahun 4

---

**BAHAGIAN A :** Bulatkan jawapan yang betul.

1. Salman mengaku kesalahannya mengambil buah mangga jiran di belakang rumah tanpa meminta kebenaran. Salman \_\_\_\_\_ kerana jiran tidak memarahinya.

- A. sedih
- B. gembira
- C. bangga
- D. kecewa

2. Jackson memulangkan surat jirannya yang tersalah diberikan oleh posmen. Jirannya memuji sikap jujur Jackson dan Jackson berasa \_\_\_\_\_.

- A. sedih
- B. gembira
- C. bangga
- D. benci

3. Mei Ling tidak menggunakan wang hasil kutipan derma daripada jiran-jirannya. Oleh itu, jiran-jiran memberi kepercayaan kepadanya untuk memegang duit tabung kawasan kejiranan. Mei Ling berasa \_\_\_\_\_.

- A. marah
- B. dihargai
- C. dibenci
- D. takut

## *Latihan Penilaian Pendidikan Moral Tahun 4*

---

4. Emak menyuruh saya menyiram pokok bunga jiran ketika mereka pulang ke kampung. Saya \_\_\_\_\_.

- A. seronok kerana dapat membantu jiran
- B. marah kerana mengganggu saya menonton televisyen

5. Ayah meminta saya untuk membeli barang keperluan untuk jiran saya yang sedang sakit. Saya \_\_\_\_\_.

- A. memarahi jiran dan menyuruhnya membeli sendiri
- B. pergi ke kedai dan membeli barang keperluan jiran

6. Kakak meminta saya memberikan kucing makanan kerana jiran tiada di rumah. Saya \_\_\_\_\_.

- A. tidak mempedulikan permintaan kakak
- B. Pergi ke rumah jiran dan memberi kucingnya makan

7. Rizal mengucapkan \_\_\_\_\_ kerana anak jirannya berjaya dalam pertandingan pidato .

- A. takziah
- B. syukur
- C. tahniah
- D. sayang

## *Latihan Penilaian Pendidikan Moral Tahun 4*

---

8. Jiran yang baik akan membantu mewujudkan masyarakat yang \_\_\_\_\_.

- A. huru-hara
- B. bermusuhan
- C. berpecah-belah
- D. aman harmoni

9. Apakah kesannya sekiranya kamu suka bercakap kasar dengan jiran?

- A. jiran akan menghormati kita
- B. disayangi oleh jiran
- C. jiran akan berkecil hati
- D. hubungan sesama jiran semakin erat

10. Kita seharusnya memberi \_\_\_\_\_ apabila bertemu dengan jiran.

- A. hadiah
- B. pujian
- C. makanan
- D. salam

11. Apabila melakukan kesalahan, kita perlulah meminta \_\_\_\_\_ daripada jiran.

- A. duit
- B. maaf
- C. balasan

## *Latihan Penilaian Pendidikan Moral Tahun 4*

---

12. Amalan \_\_\_\_\_ sangat patut diamalkan apabila kita berada di rumah jiran.

- A. bersuka ria
- B. bergopoh gapah
- C. bersopan santun
- D. berterima kasih

13. Ibu kamu akan mengadakan sambutan hari lahir kamu. Sebagai jiran yang adil, apakah yang perlu kamu lakukan?

- A. menjemput semua jiran yang berdekatan dengan rumah datang ke rumah
- B. menjemput jiran yang kaya sahaja datang ke rumah
- C. meminta jiran supaya membawa hadiah yang mahal
- D. berpesan kepada jiran untuk membawa makanan tambahan

14. Jiran meletakkan basikal di hadapan rumah kamu.

- I. Kamu merosakkan basikal jiran.
  - II. Kamu memarahi jiran dan bergaduh dengannya.
  - III. Kamu menasihati jiran agar mengalihkan basikalnya.
- A. III sahaja
  - B. I dan II
  - C. II dan III
  - D. I, II dan III

## *Latihan Penilaian Pendidikan Moral Tahun 4*

---

15. Anak jiran sering membuang sampah di hadapan rumah jiran.

I. Kamu menasihatinya agar berubah sikap

II. Kamu membiarkan anak jiran dengan sikap buruknya.

III. Kamu menegur sikapnya agar tidak membuang sampah sesuka hati.

A. I dan II

B. I dan III

C. II dan III

D. I, II dan III

16. jiran kamu membiarkan kaawasan rumaahnya ditumbuh semak samun.

I. Kamu tidak mempedulikan hal jiran kamu.

II. Kamu memarahi jiran kerana tidak membersihkan kawasan rumahnya.

III. Kamu menegur jiran agar menebas semak samun di kawasan rumahnya.

A. III sahaja

B. I dan II

C. I dan III

D. I, II dan III

## *Latihan Penilaian Pendidikan Moral Tahun 4*

---

17. Anak jiran kamu suka mengejek dan mempermudahkan jiran kamu yang kurang upaya.

I. Kamu menasihatinya

II. Kamu menegur perbuatannya.

III. KAmu memberi pandangan yang baik terhadapnya.

A. I sahaja

B. I dan II

C. II dan III

D. I, II dan III

18. Jelaskan kesan sekiranya kamu bersikap rajin dalam melakukan sesuatu aktiviti bersama-sama dengan jiran.

I. kerja yang dilakukan menjadi senang dan cepat siap

II. jiran tidak suka melakukan kerja bersama-sama kamu lagi

III. hubungan saya dengan jiran bertambah erat

A. II sahaja

B. I dan II

C. II dan III

D. I dan III

## *Latihan Penilaian Pendidikan Moral Tahun 4*

---

19. Sekiranya kamu seorang jiran yang rajin, apakah yang mungkin kamu akan lakukan?
- I. Kamu dan jiran gigih membersihkan stor di dewan serbaguna.
  - II. Kamu bersama-sama jiran bersemangat menanam pokok bunga di hadapan rumah jiran.
  - III. Kamu dan jiran bertungkus-lumus menyusun kerusi dan meja untuk majlis kesyukuran di rumah jiran
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan III
  - D. I, II dan III
20. Antara berikut, yang manakah menunjukkan amalan sikap bersederhana?
- I. Kamu tidak memetik semua buah rambutan jiran apabila jiran membenarkan kamu memetiknya.
  - II. Saya menolong jiran mengangkat barang jiran yang ingin berpindah ke rumah baru.
  - III. Kamu tidak mengambil semua jenis makanan yang dihidangkan pada majlis hari jadi jiran kamu.
  - IV. Kamu membahagikan buah manggis kepada semua jiran kamu tanpa mengira kaum dan agama mereka.
- A. I dan III
  - B. II dan III
  - C. III dan IV
  - D. I, II dan III

## Latihan Penilaian Pendidikan Moral Tahun 4

---

BAHAGIAN B : Jawab semua soalan.

A. Nyatakan agama bagi setiap individu di bawah.

	Situasi	Agama
1.	Kalvina Kaur menutuo kepala ketika bersembahyang di Gudwara.	
2.	Amin membaca al-Quran dan bersolat lima waktu sehari.	
3.	Christina membaca kita Injil dan pergi ke gereja pada hari Ahad.	
4.	Ravin menunaikan ibadat di kuil dan menyanyikan lahu pujaan.	
5.	Ah Chung bermeditasi dan membakar colok semasa beribadat.	

B. Nyatakan tempat ibadah bagi setiap agama di bawah

	Agama	Tempat Ibadat
1.	Islam	
2.	Buddha	
3.	Sikh	
4.	Kristian	
5.	Hindu	

## *Latihan Penilaian Pendidikan Moral Tahun 4*

---

Pilih dan padankan jawapan yang sesuai (Tarik dan gerakkan jawapan ke arah petak jawapan).

Jiran tidak berpeluang untuk bermain dengan mainannya.

Jiran dapat menyiapkan lukisannya bersama-sama dengan saya.

Anak-anak jiran saya dapat merasa kuih yang diberi oleh ibu saya. Saya gembira dapat berkongsi makanan dengan anak-anak jiran

1. Ibu menyuruh kamu berkongsi kuih dengan anak-anak jiran. Kamu tidak mengambil kuih secara berlebihan untuk diri kamu.

Kesannya :

2. Kamu meminjam kereta mainan jiran dan bermainnya terlalu lama.

Kesannya :

3. Kamu berkongsi warna air dengan jiran untuk menyiapkan lukisan yang diminta oleh guru.

Kesannya :